

PENTAKSIRAN KAEDAH Q⁵AM DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR MENYELESAIKAN MEKANISME RADIKAL BEBAS

¹Salwati Yaakub, ²Azfa Ilhamuna Ahmad Badri

³Satariah Hassan, ⁴Norazah Abdullah

¹Unit Kimia, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

salwati@kmpp.matrik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mentaksir kesesuaian kaedah Q⁵AM dalam menilai kemahiran pelajar menyelesaikan masalah mekanisme tindakbalas penukargantian radikal bebas dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam topik mekanisme tindakbalas penukargantian radikal bebas. Kajian melibatkan sepuluh orang pelajar Program Dua Tahun dari praktikum DH4T5/T6. Tinjauan awal melalui Laporan Kerja Calon (LKC), soalan tutorial dan temubual menunjukkan pelajar lemah dalam menyelesaikan soalan mekanisme tindakbalas penukargantian radikal bebas. Oleh itu satu kaedah yang digunakan adalah Q⁵AM dengan membekalkan pelajar dengan lima soalan berkaitan dengan mekanisme tindakbalas radikal bebas, menyediakan platform perbincangan dalam kalangan pelajar, menjawab soalan secara individu, berkongsi jawapan dan sesi refleksi pensyarah dan pelajar setiap kali setelah selesai soalan dibincangkan. Hasil dapatan menunjukkan kaedah Q⁵AM sesuai diguna untuk menilai kemahiran pelajar dalam menyelesaikan mekanisma tindakbalas radikal bebas dan pelajar DH4T5/T6 dapat menjawab soalan dengan baik dan memperolehi markah yang tinggi.

Kata kunci: Q⁵AM, pentaksiran, mekanisma, radikal, bebas